

KHUTBAH JUMAAT

“BERSAMA-SAMA MENJAGA KESELAMATAN NEGARA” (7 Ogos 2026M/ 23 Safar 1448H)

الْحَمْدُ لِلَّهِ، الْحَمْدُ لِلَّهِ الْغَنِيِّ الْحَمِيدِ. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ
لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ.
اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَسَلِّمْ تَسْلِيمًا كَثِيرًا.
أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تُقَاتِهِ، وَلَا تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنْتُمْ
مُسْلِمُونَ.

Kaum muslimin yang dirahmati Allah,

Marilah kita bersama-sama meningkatkan keimanan dan ketakwaan kepada Allah *subhanahu wata'ala* dengan melaksanakan segala perintah-Nya dan menjauhi segala larangan-Nya. Orang yang bertakwa adalah mereka yang sentiasa memelihara hubungannya dengan Allah *subhanahu wata'ala*, menunaikan amanah dengan penuh keikhlasan, berusaha meninggikan syiar Islam dan memberikan manfaat kepada masyarakat serta negara. Marilah kita bersama-sama mendengar dan menghayati khutbah yang bertajuk: **“Bersama-Sama Menjaga Keselamatan Negara.”**

Kaum muslimin yang dirahmati Allah,

Setiap insan di dunia memiliki kecintaan kepada tanah airnya sehinggakan berasa aman menetap di dalamnya, selalu merindukannya apabila jauh darinya, mempertahankannya ketika diserang dan berasa marah ketika negaranya dicela. Dengan kata

lain, mencintai tanah air itu sudah menjadi tabiat asal manusia. Rasulullah *sallallahu alaihi wasallam* pernah menzahirkan kecintaannya kepada Mekah sebagai tempat kelahirannya. Daripada Abdullah bin Abbas *radiallahu anhum*a bahawa Rasulullah *sallallahu alaihi wasallam* bersabda kepada Mekah:

((مَا أَطْيَبَكَ مِنْ بَلَدٍ وَأَحَبَّكَ إِلَيَّ، وَلَوْلَا أَنَّ قَوْمِي أَخْرَجُونِي مِنْكَ مَا سَكَنْتُ غَيْرَكَ))

Maksudnya: *Alangkah baiknya engkau sebagai sebuah negeri, dan engkau merupakan negeri yang paling aku cintai. Seandainya kaumku tidak mengusirku daripada engkau, nescaya aku tidak tinggal di negeri selainmu.*

(*Hadis riwayat Imam at-Tirmizi*)

Selain itu, Madinah juga merupakan tanah air Rasulullah *sallallahu alaihi wasallam*. Di situlah baginda menetap serta mengembangkan dakwah Islam setelah berhijrah dari Mekah. Di Madinah, Rasulullah *sallallahu alaihi wasallam* berjaya membentuk sebuah komuniti Madinah dengan adanya Piagam Madinah.

Diriwayatkan juga bahawa apabila Rasulullah *sallallahu alaihi wasallam* pulang ke Madinah dari sesuatu perjalanan, baginda akan mempercepatkan perjalanannya. Hal ini kerana kecintaan dan kerinduan Baginda *sallallahu alaihi wasallam* terhadap negara tanah airnya. Daripada Anas *radiallahu anhu* :

((أَنَّ النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ، كَانَ إِذَا قَدِمَ مِنْ سَفَرٍ، فَنَظَرَ إِلَى جُدُرَاتِ الْمَدِينَةِ، أَوْضَعَ رَاحِلَتَهُ، وَإِنْ كَانَ عَلَى دَابَّةٍ حَرَّكَهَا مِنْ حُبِّهَا))

Maksudnya: *Nabi sallallahu alaihi wasallam apabila kembali dari sesuatu perjalanan, baginda melihat dinding kota Madinah, maka lantas mempercepatkan untanya. Jika di atas kenderaan lain, maka baginda menggerak-gerakannya kerana kecintaannya kepada Madinah.*

(Hadis riwayat Imam al-Bukhari)

Berdasarkan tindakan Nabi Muhammad *sallallahu alaihi wasallam* ini, jelas memberi kesimpulan bahawa mencintai negara itu merupakan suatu sifat semula jadi yang ada dalam diri manusia dan dengan kata lain, ia sangat dianjurkan dalam Islam.

Kaum muslimin yang dirahmati Allah,

Negara yang kita diami ini merupakan anugerah daripada Allah *subhanahu wata'ala* merupakan amanah yang perlu dijaga dengan sebaiknya. Keamanan yang dikecapi, keselesaan yang kita nikmat, semuanya pemberian daripada Allah *subhanahu wata'ala* perlu disyukuri dan dipertahankan melalui sistem perundangan dan penguatkuasaan yang tegas. Firman Allah *subhanahu wata'ala* dalam surah Quraissy, ayat 4:

الَّذِي أَطْعَمَهُمْ مِّنْ جُوعٍ وَءَامَنَهُمْ مِّنْ خَوْفٍ (٤)

Maksudnya: *Tuhan yang memberi mereka penghidupan: menyelamatkan mereka daripada kelaparan, dan mengamankan mereka daripada ketakutan.*

Ayat tadi mengingatkan kita bahawa keamanan daripada ketakutan adalah antara asas kepada kemakmuran sesebuah negara. Atas asas inilah, maka kawalan sempadan negara yang ketat adalah amat penting agar keselamatan sosial, ekonomi dan kedaulatan negara dapat dijaga.

Kaum muslimin yang berbahagia,

Pihak Imigresen Malaysia misalnya telah diamanahkan untuk menggalas tugas dan tanggungjawab untuk mengawal selia kemasukan warga asing, menguruskan dokumentasi, membanteras pendatang asing tanpa izin yang mencero boh memasuki negara serta mencegah jenayah rentas sempadan bagi memelihara keselamatan tanah air daripada ancaman luar.

Menggalas tugas yang berat ini perlu kepada kerjasama dan bantuan daripada semua rakyat sebagai tanggungjawab bersama bagi memastikan keselamatan dan kedaulatan negara sentiasa terjaga. Justeru, dalam membantu memelihara keselamatan dan kedaulatan negara ini kita seharusnya memberikan kerjasama dalam aspek ini iaitu:

Pertama: Menyampaikan maklumat dan membuat laporan tentang kedatangan pendatang asing tanpa izin, sindiket pemalsuan dokumen, dan pencerobohan sempadan kepada pihak berkuasa.

Kedua: Membantu penguatkuasaan undang-undang dengan tidak melindungi pendatang asing tanpa izin, menyewakan premis kepada warga asing tanpa dokumen yang sah, atau menggaji mereka untuk bekerja di negeri ini tanpa permit, demi mengaut keuntungan dan kepentingan diri sendiri.

Ketiga: Menghargai dan menghormati anggota penguatkuasaan yang bertugas tanpa mengira masa dengan memberikan kerjasama yang penuh, mematuhi arahan dan prosedur yang ditetapkan serta menghargai pengorbanan mereka.

Kaum muslimin yang dirahmati Allah,

Marilah kita bersama-sama mendoakan agar Allah *subhanahu wata'ala* menerima segala pengorbanan dan jasa bakti semua pihak penguatkuasa khususnya kepada anggota imigresen Malaysia sebagai amal kebajikan dan mengurniakan kekuatan dan perlindungan kepada mereka dalam melaksanakan tugas menjaga keselamatan negara.

Sebelum mengakhiri khutbah ini, marilah kita mengambil beberapa pengajaran penting, antaranya:

Pertama: Umat Islam hendaklah menyedari bahawa nikmat keamanan dan kemakmuran adalah nikmat daripada Allah *subhanahu wata'ala* yang wajib disyukuri dan dipertahankan.

Kedua: Cinta kepada tanah air adalah sebahagian daripada tuntutan keimanan yang perlu dibuktikan dengan mematuhi, menghormati dan mempertahankan undang-undang kedaulatan negara.

Ketiga: Amanah mengekalkan kedaulatan negara adalah tanggungjawab bersama antara agensi kerajaan khususnya anggota Imigresen Malaysia dan seluruh rakyat Malaysia.

Keempat : Kita sebagai warganegara yang bertanggungjawab haruslah sentiasa amanah dan berintegriti dalam melaksanakan tugas, janganlah menjadi petualang yang menghancurkan negara.

Akhirnya, marilah kita bersama-sama menghayati firman Allah *subhanahu wata'ala* dalam surah an-Nisa', ayat 58:

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ. بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ.

﴿٥٨﴾ إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُكُمْ أَنْ تُؤَدُّوا الْأَمَانَاتِ إِلَىٰ أَهْلِهَا وَإِذَا حَكَمْتُمْ بَيْنَ النَّاسِ أَنْ تَحْكُمُوا بِالْعَدْلِ ۚ إِنَّ اللَّهَ نِعِمَّا يَعِظُكُمْ بِهِ ۗ إِنَّ اللَّهَ كَانَ سَمِيعًا بَصِيرًا

Maksudnya: Sesungguhnya Allah menyuruh kamu supaya menyerahkan segala jenis amanah kepada ahlinya (yang berhak menerimanya), dan apabila kamu menjalankan hukum di antara manusia, (Allah menyuruh) kamu menghukum dengan adil. Sesungguhnya Allah dengan (suruhan-Nya) itu memberi pengajaran yang sebaik-baiknya kepada kamu. Sesungguhnya Allah sentiasa Mendengar, lagi sentiasa Melihat.

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ، وَتَقَبَّلْ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ، إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ قَوْلِي هَذَا، وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ، وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ، وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْعَفُورُ الرَّحِيمُ.

KHUTBAH JUMAAT KEDUA

الْحَمْدُ لِلَّهِ. الْحَمْدُ لِلَّهِ حَمْدًا كَثِيرًا كَمَا أَمَرَ. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تُقَاتِهِ لَعَلَّكُمْ تُفْلِحُونَ.

Kaum muslimin yang dirahmati Allah,

Teruslah istiqamah mengimarahkan masjid dan surau dengan solat fardu berjemaah dan majlis-majlis ilmu. Bimbinglah ahli keluarga kita agar tetap menjaga solat lima waktu. Teguhkanlah perpaduan dengan sikap saling menghormati dan bekerjasama sesama masyarakat. Usahakanlah rezeki yang halal lagi baik, agar hidup kita dirahmati dan diberkati. Daripada Abu Hurairah *radiallahu anhu* bahawa Rasulullah *sallallahu alaihi wasallam* telah bersabda:

((أَيُّهَا النَّاسُ إِنَّ اللَّهَ طَيِّبٌ لَا يَقْبَلُ إِلَّا طَيِّبًا ...))

Maksudnya: *Wahai manusia! Sesungguhnya Allah itu Maha Baik, dan Dia tidak menerima melainkan yang baik ...*

(Hadis riwayat Imam Muslim)

Selamatkanlah diri dan keluarga kita daripada penyalahgunaan dadah, bahan inhalan dan ketum, perjudian serta segala bentuk maksiat. Semua ini hanya membawa kepada kehancuran hidup dan meruntuhkan masa depan kita dan umat.

Perbanyakkanlah selawat ke atas Nabi Muhammad *sallallahu alaihi wasallam* seperti yang diperintahkan oleh Allah *subhanahu wata'ala* dalam Surah al-Ahzab, ayat 56:

إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا.

Maksudnya: *Sesungguhnya Allah dan malaikat-Nya berselawat (memberi segala penghormatan dan kebaikan) kepada Nabi (Muhammad sallallahu alaihi wasallam); wahai orang yang beriman, berselawatlah kamu kepadanya serta ucapkanlah salam sejahtera dengan penghormatan yang sepenuhnya.*

اَللّٰهُمَّ صَلِّ عَلٰى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلٰى اٰلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، كَمَا صَلَّيْتَ عَلٰى سَيِّدِنَا اِبْرَاهِيْمَ وَعَلٰى اٰلِ سَيِّدِنَا اِبْرَاهِيْمَ، وَبَارِكْ عَلٰى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلٰى اٰلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، كَمَا بَارَكْتَ عَلٰى سَيِّدِنَا اِبْرَاهِيْمَ وَعَلٰى اٰلِ سَيِّدِنَا اِبْرَاهِيْمَ، فِي الْعَالَمِيْنَ، اِنَّكَ حَمِيْدٌ مَّجِيْدٌ.

وَارْضَ اللّٰهُمَّ عَنِ الْخُلَفَاءِ الرَّاشِدِيْنَ الْمُهَدِّيْنَ، سَادَاتِنَا اَبِي بَكْرٍ وَعُمَرَ وَعُثْمَانَ وَعَلِيٍّ، وَعَنْ بَقِيَّةِ الصَّحَابَةِ أَجْمَعِينَ، وَعَنْ التَّابِعِينَ وَتَابِعِ التَّابِعِينَ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.

اَللّٰهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِيْنَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِيْنَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْاَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْاَمْوَاتِ. اِنَّكَ سَمِيْعٌ قَرِيْبٌ مُّجِيْبُ الدَّعَوَاتِ وَيَا قَاضِيَ الْحَاجَاتِ.

Ya Allah, Bantulah saudara-saudara kami yang memerlukan bantuan di mana sahaja mereka berada, khususnya di bumi Palestin. Kurniakanlah mereka perlindungan, keamanan, dan kemenangan dengan rahmat-Mu, wahai Tuhan Yang Maha Pengasih. Ampunkanlah segala dosa-dosa kami, ibu bapa kami, keluarga dan guru-guru kami. Limpahkanlah kepada kami kesejahteraan dan kebahagiaan di dunia dan di akhirat.

Kurniakanlah kecemerlangan pendidikan kepada anak-anak kami dalam apa sahaja bidang yang mereka ceburi. Tambahkanilah ilmu dan kemahiran yang bermanfaat kepada mereka, perteguhkanlah peribadi mereka dengan akhlak yang mulia dan terpuji. Jadikanlah anak-anak kami pemimpin dalam kalangan orang yang bertakwa pada masa akan datang.

Ya Allah, berikanlah taufiq dan hidayat-Mu kepada kami semua dan juga kepada para pemimpin Negara kami, khasnya kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong Malaysia, dan juga pemimpin-pemimpin negeri kami, khususnya Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri Sarawak.

Jadikanlah kami umat yang berintegriti, bersatu-padu, dan terbilang dalam semua bidang yang diceburi demi mendukung negara yang maju dan makmur serta mendapat perlindungan-Mu. Kekalkanlah kesatuan kami dalam akidah, ibadah dan akhlak atas pegangan Ahli Sunnah Wal Jama'ah. Limpahkanlah nikmat keselamatan, kesihatan, dan ketenangan, serta lindungilah kami daripada segala

wabak dan bala yang menganggu kehidupan kami. Luaskan rezeki kami dan berikanlah bantuan kepada kami untuk kami mengharungi kehidupan di dunia dan akhirat.

رَبَّنَا أُنْتَ فِي الدُّنْيَا حَسَنَةٌ وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةٌ وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ. أَمِينَ،
أَمِينَ يَا رَبَّ الْعَالَمِينَ.

عِبَادَ اللَّهِ. إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ. وَإِيتَاءِ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَىٰ عَنِ
الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ. يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ. فَادْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ
يَذْكُرْكُمْ. وَاشْكُرُوهُ عَلَىٰ نِعَمِهِ يَزِدْكُمْ. وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ. وَلَذِكْرُ
اللَّهِ أَكْبَرُ. وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ. أَقِيمُوا الصَّلَاةَ.